

KEMUDAHAN PRASARANA DAN PERANAN DALAM MENGIMARAHKAN MASJID: KAJIAN DI DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR

Nailah Abas¹ & Muhammed Yusof¹

¹Department of Dakwah and Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Corresponding Author: Nailah binti Abas, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: umiupm@gmail.com

Abstrak

Masjid adalah pusat komuniti yang penting untuk memajukan aspek sosial, budaya, dan agama dalam kalangan masyarakat Islam, selain menjadi tempat ibadah. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan prasarana masjid, menganalisis cabaran pengurusan prasarana masjid, serta mencadangkan strategi penambahbaikan prasarana masjid. Kajian ini melibatkan perbandingan [3] tiga buah masjid terpilih di Daerah Kuala Langat, Selangor. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan melakukan pemerhatian di kajian lapangan. Memahami fenomena yang dialami oleh subjek kajian adalah matlamat penyelidikan kualitatif. Maklumat diperoleh dari temubual terhadap lapan [8] orang AJK masjid tersebut. Data yang diperoleh dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti isu-isu utama serta mencadangkan langkah penambahbaikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kemudahan masjid memainkan peranan penting dalam menggalakkan solat berjemaah. Kemudahan moden juga dapat menarik penyertaan masyarakat dari pelbagai peringkat umur dalam aktiviti masjid. Walau bagaimanapun, cabaran seperti kekurangan dana, kelemahan dalam penyelenggaraan prasarana, dan kurangnya kesedaran terhadap keperluan komuniti telah dikenalpasti. Kajian ini mencadangkan penyelenggaraan berkala, pelan strategik yang efektif, dan kerjasama erat dengan komuniti serta pihak berkuasa sebagai langkah untuk mengatasi cabaran yang dihadapi. Kajian ini menyumbang kepada literatur akademik dengan memperluaskan pemahaman mengenai pengurusan prasarana masjid dan hubungannya dengan pembangunan komuniti Islam. Ia turut menawarkan panduan praktikal kepada pentadbir masjid dan pihak berkepentingan dalam memastikan masjid terus relevan sebagai institusi pembangunan spiritual, sosial, dan ekonomi yang inklusif.

Kata kunci: Prasarana, cabaran pengurusan, penambahbaikan, kemudahan moden.

(INFRASTRUCTURE FACILITIES AND THEIR ROLE IN ENLIVENING MOSQUES: A STUDY IN THE DISTRICT OF KUALA LANGAT, SELANGOR)

Abstract

Mosques play an important role not only as places of worship, but also as community centers that support the social, economic, and spiritual development of the Muslim community. This article aims to identify the needs of mosque infrastructure, analyze the challenges of mosque infrastructure management, and propose strategies for improving mosque infrastructure. This study involves a comparison [3] of three selected mosques in the Kuala Langat District, Selangor. This study was conducted qualitatively, involving a literature review and field observations. Qualitative research is a study that aims to understand the phenomenon of what the research subjects experience. Data was obtained from interviews with eight [8] mosque committee members. The data obtained was analyzed thematically to identify key issues and suggest improvement measures. The results of the study showed that mosque infrastructure plays an important role in encouraging congregational prayers, with modern facilities attracting the participation of people of all ages in mosque activities. However, challenges such as lack of funds, weaknesses in infrastructure maintenance, and lack of awareness of community needs have been identified. This study recommends regular maintenance, effective strategic plans, and close collaboration with communities and authorities as steps to overcome the challenges faced. This study contributes to the academic literature by expanding the understanding of mosque infrastructure management and its relationship to Islamic community development. It also offers practical guidance to mosque administrators and stakeholders in ensuring that mosques remain relevant as institutions for inclusive spiritual, social, and economic development.

Keywords: *Infrastructure, management challenges, improvement, modern facilities.*

Received: April 15, 2025

Accepted: June 1, 2025

Online Published: June 30, 2025

1. Pendahuluan

Masjid memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam sebagai pusat ibadah dan komuniti. Selain berfungsi sebagai tempat untuk mendirikan solat berjemaah, masjid juga menjadi pusat pendidikan, ekonomi, dan pelbagai aktiviti sosial yang mendukung pembangunan masyarakat Islam secara holistic (MSA Yusoff, NM Nik Din, NH Ahmad Tajuddin, 2021). Prasarana masjid yang lengkap, terancang, dan mesra pengguna adalah elemen kritikal yang memastikan keberkesanan fungsi masjid sebagai institusi yang memacu kesejahteraan ummah. Dengan menyediakan kemudahan seperti ruang solat yang selesa, tempat wudhu yang bersih, laluan khas untuk orang kurang upaya (OKU), dan kawasan parkir yang mencukupi, masjid mampu menarik pelbagai lapisan masyarakat untuk hadir, sekali gus mengukuhkan peranannya sebagai pusat komuniti Islam yang progresif dan inklusif.

Masjid sering dianggap sebagai teras utama perkembangan tamadun Islam. Sejarah membuktikan bahawa masjid menjadi asas kepada pembentukan dan pembangunan negara Islam. Rasulullah S.A.W. sendiri menjadikan masjid sebagai institusi penting dalam membina masyarakat Islam yang harmoni dan berdaya maju (Talhah, 2019). Sebagai contoh, Masjid Madinah, masjid pertama dalam Islam, berfungsi sebagai tempat ibadah, pusat latihan ketenteraan, mahkamah, hospital, pusat maklumat, dan lokasi penerimaan tetamu. Pelbagai fungsi ini mencerminkan peranan besar masjid dalam pembangunan masyarakat Islam (Samhudi, 1972).

Sepanjang sejarah, peranan masjid telah mengalami evolusi yang signifikan, menjadi semakin menonjol dan hebat terutamanya pada zaman pemerintahan Uthmaniyah. Sebagai contoh, Kompleks Suleymaniye merupakan manifestasi terbaik sebuah masjid yang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah tetapi juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti sekolah, kolej perubatan, rumah kebajikan, dan dapur yang menyediakan makanan harian untuk golongan miskin. Kemudahan ini mencerminkan komitmen masjid dalam memenuhi keperluan rohani dan kebajikan masyarakat secara menyeluruh (Ab Rahman 2024).

Di Malaysia, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam merupakan contoh masjid moden yang mencerminkan integrasi pelbagai fungsi. Masjid ini dilengkapi dengan dewan solat, perpustakaan, bilik kuliah, tempat asuhan kanak-kanak, taman, dan kemudahan untuk golongan kurang upaya (OKU). Dengan kapasiti menampung sehingga 24,000 jemaah, masjid ini memerlukan pengurusan prasarana yang cekap dan efisien untuk memastikan semua kemudahan dimanfaatkan sepenuhnya (Azman, 2024).

Prasarana masjid yang berkualiti dan mesra jemaah adalah elemen penting untuk menyokong pelbagai aktiviti keagamaan, pendidikan, sosial, dan ekonomi. Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan infrastruktur sebagai kemudahan asas yang diperlukan untuk pertumbuhan dan kemajuan sesebuah institusi. Penyediaan kemudahan prasarana yang terancang bukan sahaja memastikan masjid terus berfungsi sebagai pusat ibadah, tetapi juga pusat pembangunan komuniti Islam yang menyeluruh (Mariam, 2021).

Menurut Nuryaqazah (2019), terdapat enam mekanisme utama dikenal pasti untuk memperbaharui prasarana masjid: aktiviti dakwah, pusat penyebaran ilmu, program kemasyarakatan, fasiliti mesra pengguna, pusat dana dan ekonomi, serta pusat pelancongan (Nuryaqazah et al., 2019). Sebagai contoh, kemudahan asas seperti tandas yang bersih, ruang rehat, dan tempat wudhu yang selesa dapat menarik lebih ramai jemaah untuk hadir ke masjid.

Masjid yang mesra jemaah juga memainkan peranan penting dalam mengimarahkan komuniti, termasuk kanak-kanak, remaja, wanita, warga emas, OKU, dan golongan musafir. Penyediaan kemudahan khas seperti laluan untuk OKU dan ruang yang selesa bagi wanita memastikan keselesaan semua pihak (Siti Muhibah, 2020). Walaupun terdapat cabaran dari segi kos dan kerjasama masyarakat, pengurusan masjid yang cekap dapat memastikan kemudahan ini sentiasa berada dalam keadaan baik dan berfungsi.

Kehadiran jemaah ke masjid juga dipengaruhi oleh elemen kebersihan, keselamatan, dan keceriaan. Program gotong-royong, penyediaan taman hijau, dan penyusunan kemudahan seperti sejadah dan rak Al-Quran bukan sahaja meningkatkan imej masjid tetapi juga menambah keselesaan jemaah (Burhanuddin, 2019). Di samping itu, pengurusan keselamatan seperti pengawal keselamatan dan pengawasan trafik membantu memastikan kesejahteraan semua pihak (Halim et al., 2020).

Secara keseluruhannya, prasarana masjid yang lengkap dan pengurusan yang baik adalah faktor utama dalam memastikan masjid berfungsi sebagai pusat ibadah dan pembangunan komuniti yang efektif. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penyediaan prasarana yang terancang dan mesra pengguna mampu memperkukuh peranan masjid dalam membina komuniti Islam yang harmoni, inklusif, dan progresif. Oleh itu, usaha strategik untuk mempertingkatkan kualiti prasarana masjid perlu diberi perhatian serius agar ia terus relevan dengan keperluan masyarakat moden.

2. Metodologi


Kajian ini melibatkan perbandingan tiga (3) buah masjid terpilih di Daerah Kuala Langat, Selangor. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif, yang menggabungkan kajian kepustakaan dan pemerhatian lapangan. Menurut Moleong (2007), penelitian kualitatif bertujuan untuk memahami fenomena berdasarkan pengalaman subjek kajian.

Data diperoleh melalui temubual dan pemerhatian. Temubual dijalankan dengan lapan (8) orang Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai peranan dan kepentingan kemudahan prasarana dalam mengimarahkan masjid. Selain itu, pemerhatian turut dilakukan di lokasi kajian untuk mencatat situasi, tingkah laku, dan aktiviti yang berlaku di masjid-masjid terpilih. Seperti yang dinyatakan oleh Bogdan dan Biklen (2007), pemerhatian penting untuk merekodkan apa yang dilihat dan didengar di lapangan.

Data yang dikumpulkan dianalisis secara kritis, disintesis, dan dikategorikan kepada tema-tema utama. Proses ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan masyarakat

terhadap kemudahan prasarana masjid serta peranan prasarana tersebut dalam menarik lebih ramai jemaah dan meningkatkan penglibatan komuniti.

Dengan pendekatan ini, kajian dapat memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang bagaimana kemudahan prasarana masjid dapat dimanfaatkan untuk mengimarahkan masjid dan memenuhi keperluan masyarakat setempat.



Rajah 1: Metodologi Kajian

Rajah 1 menggambarkan metodologi kajian yang dilaksanakan untuk menjana data sehingga data lengkap dan relevan. Proses ini merangkumi peringkat perancangan awal hingga pengumpulan data yang lengkap dan bersedia untuk dianalisis. Prosedur pengumpulan data dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan data yang diperoleh relevan, tepat, dan mampu menjawab persoalan kajian.

Pertama, penyelidik merancang jenis data yang diperlukan, kaedah pengumpulan, dan alat yang akan digunakan seperti soalan temubual, panduan pemerhatian, atau borang soal selidik. Sasaran informan dan lokasi kajian juga dikenal pasti dengan teliti. Termasuk juga etika penyelidikan disediakan untuk membolehkan kajian di lapangan dilakukan dengan selamat dan dipercayai.

Langkah seterusnya adalah pengumpulan data primer dilakukan. Temubual separa berstruktur dijalankan bersama informan terpilih seperti ahli jawatankuasa masjid. Sebelum itu soalan temubual disahkan oleh pakar bidang pengurusan masjid. Semua perbualan direkodkan untuk memastikan ketepatan maklumat. Penyelidik juga melakukan pemerhatian langsung di lokasi kajian untuk menilai keadaan kemudahan, aktiviti, dan interaksi di masjid. Nota lapangan direkodkan untuk mendokumentasikan pemerhatian ini.

Seterusnya, pengumpulan data sekunder di mana penyelidik mengumpulkan maklumat daripada dokumen, laporan, dan rekod yang berkaitan seperti polisi masjid, laporan program, dan statistik penggunaan prasarana. Kajian literatur turut dilakukan untuk memahami teori dan hasil kajian terdahulu. Semua data yang dikumpulkan, termasuk rakaman audio, nota, dan dokumen, disusun dan disimpan dengan teliti. Data dirahsiakan untuk melindungi privasi informan dan memastikan pematuhan terhadap etika penyelidikan.

Akhirnya, data yang dikumpulkan disahkan melalui triangulasi, iaitu dengan membandingkan maklumat daripada pelbagai sumber untuk memastikan kesahihannya. Proses keesahan dan kebolehppercayaan data disahkan oleh pakar melalui kaedah Analisis Cohen Kappa yang memastikan data yang dikumpul adalah lengkap dan sesuai untuk dianalisis. Semua langkah ini dilaksanakan dengan cermat bagi memastikan data yang diperolehi mampu memberikan gambaran yang menyeluruh dan tepat untuk mencapai objektif kajian.

3. Dapatan dan perbincangan

Berdasarkan sorotan literatur dan analisis terhadap peranan prasarana masjid, beberapa dapatan utama diperolehi dari kajian ini. Dapatan kajian dan perbincangan dibahagikan kepada tiga faktor utama yang menyumbang kepada kemudahan prasarana masyarakat iaitu, kemudahan fizikal, sosial dan rohani.

3.1 Faktor utama dalam keperluan kemudahan prasarana masyarakat: kemudahan fizikal.

i) Kepentingan Prasarana Mesra Jemaah

Kajian mendapati bahawa masjid yang dilengkapi dengan prasarana mesra jemaah, seperti ruang solat yang selesa, tandas dan tempat wuduk yang bersih, serta kemudahan mesra OKU, mampu menarik lebih ramai jemaah untuk hadir ke masjid. Prasarana ini juga memupuk suasana yang harmoni dan kondusif untuk aktiviti ibadah, pendidikan, dan sosial.

ii) Keperluan Masjid Mesra Komuniti

Masjid yang menyediakan kemudahan tambahan seperti taman permainan kanak-kanak, sudut bacaan, tempat asuhan anak, dan rumah inap mampu memperkukuh peranan masjid sebagai pusat komuniti. Ini dapat mendorong penglibatan lebih aktif dari pelbagai lapisan masyarakat, termasuk kanak-kanak, wanita, remaja, dan warga emas.

iii) Keselamatan Dan Kebersihan

Aspek keselamatan dan kebersihan adalah elemen penting dalam menarik kehadiran jemaah ke masjid. Penyediaan pengawal keselamatan, pengawasan parkir, dan program gotong-royong secara berkala dapat meningkatkan rasa selamat dan keselesaan jemaah.


iv) Kekangan dalam Pengurusan Prasarana

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat cabaran dalam penyelenggaraan prasarana masjid, termasuk kekurangan dana, kesedaran masyarakat yang rendah, serta kurangnya sokongan pihak berkepentingan. Hal ini memerlukan strategi pengurusan yang lebih cekap dan inovatif.

v) Peranan Teknologi dalam Pengurusan Masjid

Penggunaan teknologi seperti sistem digital untuk pendaftaran jemaah, pemantauan fasiliti, dan pengumpulan sumbangan dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan masjid. Teknologi juga boleh membantu dalam memastikan kemudahan prasarana sentiasa berada dalam keadaan baik.

Keperluan kepada kemudahan prasarana masyarakat dari segi kemudahan fizikal dapat digambarkan melalui rajah di bawah.



Rajah 2: Keperluan Kemudahan Fizikal Masjid

Rajah 2 di atas menggambarkan keperluan kemudahan fizikal masjid yang berfungsi secara efektif sebagai pusat pembangunan komuniti Islam yang inklusif dan efisien. Pada bahagian teratas rajah, merupakan peranan masjid dalam melengkapkan kemudahan fizikal yang memenuhi keperluan prasarana mesra jemaah dan mesra komuniti. Ini melibatkan penyediaan kemudahan fizikal yang mesra pengguna seperti ruang yang selesa dan akses mudah, yang menjadi asas kepada penglibatan aktif jemaah dan komuniti. Kemudian diikuti dengan aspek keselamatan dan kebersihan, yang memainkan peranan

penting dalam menjamin keselesaan serta kesejahteraan semua pengguna masjid. Faktor ini juga berupaya meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap fungsi masjid.

Seterusnya, kekangan dalam pengurusan prasarana dikenal pasti sebagai cabaran yang perlu diatasi untuk memastikan keberkesanan serta kelangsungan operasi masjid. Pengurusan yang cekap adalah asas kepada keupayaan masjid untuk memenuhi keperluan jemaah. Penggunaan teknologi pula dilihat sebagai alat penting untuk memperbaiki sistem pengurusan masjid. Dengan mengaplikasikan teknologi moden, keberkesanan dan kecekapan operasi masjid dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik. Justeru, dua langkah utama yang dicadangkan untuk mengatasi cabaran dalam penyediaan kemudahan fizikal adalah seperti berikut:

i) Peningkatan Program Pendidikan dan Sosial

Masjid disarankan untuk menganjurkan program pendidikan seperti kelas tafaqquh, kuliah bersiri, dan kelas bimbingan untuk anak-anak. Program ini bukan sahaja mampu meningkatkan kehadiran jemaah tetapi juga memanfaatkan prasarana yang tersedia. Di samping itu, aktiviti sosial seperti bantuan kepada golongan asnaf, program remaja, dan sambutan hari kebesaran Islam dapat memperkukuh peranan masjid dalam membina komuniti. Langkah ini bertujuan menjadikan masjid bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat ilmu dan pembangunan komuniti yang progresif.

ii) Inklusiviti dalam Rekabentuk dan Aktiviti Masjid

Masjid perlu mengambil kira keperluan pelbagai kumpulan masyarakat, termasuk individu kelainan upaya (OKU), wanita, gelandangan, dan musafir. Penyediaan infrastruktur yang mesra pengguna serta program yang inklusif dapat memastikan setiap golongan merasa diterima dan dihargai di masjid.

Akhir sekali, penekanan terhadap inklusiviti dalam semua aspek aktiviti masjid adalah penting. Masjid perlu menggalakkan penyertaan menyeluruh dalam aktiviti keagamaan, pendidikan, dan sosial tanpa sebarang diskriminasi. Dengan ini, masjid dapat melaksanakan fungsinya sebagai pusat komuniti Islam secara holistik dan berkesan. Hasil kajian dapat dihuraikan melalui jadual di bawah:

Jadual 1: Kemudahan Prasarana Masyarakat: Kemudahan Fizikal

Item P	M1	M2	M3	Purata
Kemudahan mesra Wanita Islam	8	8	4	6.7
Kemudahan mesra Ummah	8	8	5	7
Kemudahan mesra Orang Kurang Upaya	9	7	x	5.3
Kemudahan jaminan keselamatan	5	5	x	3.3

Jadual 1 di atas membuktikan bahawa faktor utama kemudahan prasarana masyarakat adalah dari aspek kemudahan fizikal. Kemudahan itu dibahagikan kepada empat kumpulan, bermula dengan yang sesuai untuk pelancong dan pengembara. Yang kedua ialah kemudahan masjid, yang termasuk tandas terbaik dan banyak tempat letak

kereta. Sementara itu, kemudahan tempat letak kereta, kebersihan, dan kebahagiaan termasuk dalam yang ketiga dan keempat. Tanpa penjagaan kebersihan, kebahagiaan, dan keselamatan yang mencukupi, kemudahan masjid tidak dapat berfungsi seperti yang diharapkan. Masjid perlu menganjurkan inisiatif kebersihan dan keceriaan seperti gotong-royong, pembekalan bekalan pembersihan, dan penubuhan jadual berkala giliran pembersihan yang melibatkan jemaah. Setiap ruang yang digunakan oleh pengunjung masjid dan surau seperti tandas, ruang wuduk, dewan kuliah, dan surau hendaklah dijaga kebersihannya (Saiful Anwar, 2021).

Infrastruktur masjid yang berkualiti ditandai oleh masjid yang mesra dengan pengunjung, terutamanya wanita. Kemudahan seperti tandas dan tempat wuduk, serta ruang solat, harus memenuhi ciri-ciri keselamatan, keselesaan, kebolehgunaan, kebersihan, dan diterima oleh semua lapisan masyarakat (Siti Rokyah, 2017). Selain itu, penyediaan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) di masjid, sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar, turut menjadi indikator penting kepada kualiti infrastruktur masjid. Bagi memudahkan golongan OKU menunaikan solat, ruang awam seperti masjid perlu dilengkapi dengan kemudahan yang mesra dan inklusif (Farhan, 2016).

3.2 Faktor utama dalam keperluan kemudahan prasarana Masyarakat: kemudahan sosial
 Faktor utama kemudahan prasarana Masyarakat seterusnya adalah dari aspek kemudahan sosial. Kemudahan mesra wanita Islam berkait rapat dengan ruang wuduk yang tertutup, membantu mereka untuk menjaga aurat. Adapun kemudahan mesra ummah, kemudahan orang kurang upaya. Kemudahan jaminan keselamatan merangkumi keselamatan para wanita dan keselamatan barangan pengunjung sewaktu berkunjung ke masjid tersebut. Hasil kajian dapat dihuraikan melalui jadual di bawah:

Jadual 2: Kemudahan Prasarana Masyarakat: Kemudahan Sosial

Item P	M1	M2	M 3	Purata
Kemudahan mesra Wanita Islam	8	8	4	6.7
Kemudahan mesra Ummah	8	8	5	7
Kemudahan mesra Orang Kurang Upaya	9	7	x	5.3
Kemudahan jaminan keselamatan	5	5	x	3.3

3.3 Faktor utama dalam keperluan kemudahan prasarana Masyarakat: kemudahan Rohani
 Faktor utama kemudahan prasarana masyarakat dari aspek kemudahan rohani adalah kemudahan untuk solat berjemaah. Kemudahan ini melibatkan dewan solat yang selesa, bersih, dan nyaman, serta kemudahan tempat wuduk dan bilik air. Kemudahan kuliah ilmu memerlukan ruang pembelajaran, meja dan kerusi untuk keselesaan, papan putih, LCD, komputer. Ada pula kemudahan kaunseling, memerlukan bilik kaunseling. Manakala kemudahan perpustakaan memerlukan sebuah bilik yang sesuai dipenuhi buku-buku yang tersusun di atas rak, serta kerusi meja yang sesuai untuk tujuan mentelaah. Hasil kajian dapat dihuraikan melalui jadual di bawah:

Jadual 3: Kemudahan Prasarana Masyarakat: Kemudahan Rohani

ITEM P	M1	M2	M3	Purata
Kemudahan solat berjemaah	9	9	9	9
Kemudahan kuliah ilmu	9	9	9	9
Kemudahan kaunseling	8	8	X	5.3
Kemudahan perpustakaan	X	2	X	0.6

Berdasarkan data dalam tiga jadual yang disediakan, perbandingan antara Jadual Kemudahan Prasarana Masyarakat yang boleh dirumuskan seperti berikut:

i) Kemudahan Fizikal (Jadual 1)

- a. Purata Kemudahan: Secara keseluruhan, purata skor untuk kemudahan fizikal adalah tinggi dengan skor tertinggi bagi kemudahan parkir dan fasiliti masjid (7.67).
- b. Kebersihan dan Keceriaan: Walaupun mendapat perhatian, skor purata (7) menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam aspek ini, khususnya bagi lokasi M3.
- c. Perbezaan Lokasi: Skor di M3 secara konsisten lebih rendah (terutamanya untuk kemudahan mesra pengunjung dan musafir). Ini menunjukkan lokasi ini memerlukan perhatian lebih berbanding M1 dan M2.

ii) Kemudahan Sosial (Jadual 2)

- a. Kemudahan Mesra Ummah dan Wanita Islam: Kedua-dua aspek ini menunjukkan purata skor yang sederhana (masing-masing 7 dan 6.7), tetapi terdapat ketidakseimbangan antara lokasi.
- b. Kemudahan OKU dan Keselamatan: Aspek ini memerlukan perhatian segera kerana skor purata adalah rendah (5.3 dan 3.3), dengan ketiadaan data di beberapa lokasi (M3). Kekurangan ini boleh memberi impak kepada keterangkuman sosial.
- c. Cabaran Penambahbaikan: Lokasi M3 memerlukan penambahbaikan dalam menyediakan aksesibiliti dan keselamatan kepada golongan rentan seperti OKU dan wanita.

iii) Kemudahan Rohani (Jadual 3)

- a. Kemudahan Solat Berjemaah dan Kuliah Ilmu: Skor tertinggi diperoleh dalam aspek ini dengan purata skor 9 bagi kedua-duanya, menunjukkan ia menjadi keutamaan yang konsisten di semua lokasi.
- b. Kemudahan Kaunseling dan Perpustakaan: Kedua-dua aspek ini mempunyai purata skor rendah (5.3 dan 0.6), dengan data yang tidak lengkap. Kekurangan ini menunjukkan potensi besar untuk pembangunan aspek rohani di lokasi tertentu seperti M3.

Rumusan Perbandingan

- a. Kekuatan: Secara keseluruhan, masjid di Daerah Kuala Langat menunjukkan prestasi yang baik dalam menyediakan kemudahan rohani (khususnya solat

- berjemaah dan kuliah ilmu) serta kemudahan fizikal seperti parkir dan fasiliti mesra pengunjung.
- b. Kelemahan: Terdapat kurang keseriusan dalam penyediaan kemudahan sosial seperti aksesibiliti OKU, keselamatan, serta kemudahan perpustakaan dan kaunseling.
 - c. Saranan Penambahbaikan: Lokasi seperti M3 memerlukan perhatian khusus dalam meningkatkan kemudahan sosial dan rohani, dengan tumpuan kepada keselamatan, aksesibiliti, dan ruang perpustakaan untuk memenuhi keperluan komuniti dengan lebih menyeluruh.

Sumber data menunjukkan keperluan perancangan strategik dan pengurusan fasiliti yang lebih efektif untuk memastikan kemudahan prasarana masjid dapat dioptimumkan dan memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat.

3.4 Penyelenggaraan

Kajian ini mencadangkan penyelenggaraan berkala, pelan strategik yang berkesan, serta kerjasama erat antara komuniti dan pihak berkuasa sebagai langkah untuk mengatasi cabaran ini. Penyelenggaraan merujuk kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan agar kekal berfungsi dengan baik (Abdullah, 2022). Fasiliti masjid tidak dapat beroperasi dengan optimum sekiranya aspek kebersihan, keceriaan, dan keselamatan tidak diberi perhatian sewajarnya (Saiful Anuar, 2021).

Oleh itu, aktiviti penyelenggaraan merupakan keperluan utama untuk memastikan kemudahan prasarana sentiasa berada dalam keadaan baik, sempurna, dan boleh digunakan untuk jangka masa panjang. Penjagaan yang rapi terhadap prasarana bukan sahaja memanjangkan tempoh penggunaannya tetapi juga membantu menjimatkan kos pembaikan. Bagi memastikan keberkesanan penyelenggaraan, jadual giliran pembersihan dan pembaikan perlu dirancang dengan teliti dan dilaksanakan secara konsisten.

Kesimpulannya, semua ruang yang menjadi tumpuan di masjid dan surau, termasuk sebagai dewan atau ruang solat, bilik kuliah, bilik wuduk, dan bilik air, hendaklah sentiasa bersih, serta selamat digunakan dan dalam keadaan baik. Oleh yang demikian, kajian ini menekankan pendekatan holistik dalam pengurusan masjid dari aspek menyediakan kemudahan fizikal, keselamatan, teknologi, dan peranan sosial. Peranan tersebut adalah bagi memastikan masjid dapat berfungsi secara optima untuk kesejahteraan komuniti.

4. Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa kemudahan prasarana masjid memainkan peranan yang sangat penting dalam mengimarahkan masjid dan memperkukuhkan fungsinya sebagai pusat komuniti Islam. Prasarana masjid di Daerah Kuala Langat, Selangor, perlu berada dalam keadaan baik dan mesra jemaah. Hal ini penting untuk menarik pelbagai lapisan masyarakat menggunakan masjid bukan sahaja sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat pendidikan, sosial, dan ekonomi.

Hasil kajian menunjukkan bahawa masjid yang dilengkapi dengan kemudahan moden, selesa, dan inklusif mampu meningkatkan penyertaan masyarakat dalam pelbagai aktiviti masjid. Ini termasuk penyediaan kemudahan mesra OKU, ruang solat yang selesa, kemudahan untuk wanita dan kanak-kanak, serta pelbagai aktiviti komuniti yang dirancang dengan baik. Dalam masa yang sama, perancangan strategik, penyelenggaraan berkala, dan kerjasama erat antara pihak pengurusan masjid dan komuniti adalah langkah penting untuk memastikan kemudahan prasarana ini dapat berfungsi secara maksimum dan berterusan.

Melalui pendekatan holistik dan bersepadu, masjid bukan sahaja mampu berperanan sebagai pusat ibadah yang aktif, tetapi juga sebagai platform untuk pembangunan masyarakat yang harmoni, progresif, dan berdaya tahan. Dengan usaha yang konsisten dan sokongan daripada pelbagai pihak, masjid di Daerah Kuala Langat dapat terus memainkan peranan signifikan dalam mengukuhkan perpaduan ummah serta menjadi model kepada masjid lain di Malaysia.

RUJUKAN

- Ab Rahman, A. S., Mohamad, M. Z., & Noh, N. C. (2024). KONSEP PERBANDARAN DAWLAH'UTHM? NIYYAH DALAM KULLIYE SULEYMANIYE [OTTOMAN URBANIZATION CONCEPT IN KULLIYE SULEYMANIYE]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 3(1), 42-63.
- Abdullah, R., & Pa, N. H. N. (2022). Penyelidikan Dan Pendokumentasian Masjid-Masjid Lama Negeri Sembilan Dalam Penghasilan Konsep Reka Bentuk Masjid Warisan. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Sciences Research*, 7(2), 164-180.
- Andi Fitriani Djollong, St. Wardah Hanafie Das, Adelina Damayanti. (2019). *Upaya Guru Pendidikan Agama Islam dalam Membiasakan Salat Berjamaah dan Pengaruhnya Terhadap Kepribadian Peserta Didik pada SMP Negeri 2 Liliraja Kabupaten Soppeng*. Al-Musannif: *Journal of Islamic Education and Teacher Training*, 1(1), 65-76. <https://jurnal.mtsddicilellang.sch.id/index.php/almusannif>
- Azman, S. N. A. M., Razi, N. F. I., Kamal, J. I. A., & Jali, J. M. (2024). Sejarah Penubuhan Masjid Seksyen 7. *Jurnal Kajian Lisan Malaysia*, 2(3), 109-114.
- Bogdan, R.C. and Biklen, (2007), S.K., *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. 5th Edition, Allyn & Bacon, Boston.
- Creswell, John W. 2017. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 4th ed. California: Sage Publications.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). Kamus Dewan Edisi Keempat (D. B. D. Pustaka (Ed.); Edisi Keenam). Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kamus Bahasa Melayu online. <https://kamusbm.com/prasarana/>
- Diekhoff. G. (1992). *Statistics For The Social And Behavioral Sciences*. Wm. C. Brown Publishers. Hair, J., Hollingsworth, C.L., Randolph, A.B., & Chong, A. (2017). An updated and expanded assessment of PLS-SEM in information systems research. *Industrial Management & Data Systems*, 117(3), 442-458.
- Dom, N. M., Rosli, H. E., Ahmad, N. H. W., & Mamat, W. N. S. W. (2019). Aktiviti Pemuliharaan dan Pemakmuran Masjid dan Surau Lama di Kuala Terengganu.

- In *Proceeding of International Conference on Islamic Civillization and Technology Management* (pp. 291-299).
- Halim, 'I.A., Lateh, A.T.A, Saidin, A. (2020). *Preliminary Evaluation of the Mosques Safety Audit Model in Kulim, Kedah Malaysia: A Review*. Asian People Journal, 3(1), 162-169.
- Harun, M. S. (2013). *Pengurusan aktiviti dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak: Kajian Tentang Persepsi Dan Masalah*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Ismail, Safinah, Nor Hasdillah Mohd Hasim, Muhammad Aiman Syakir Bin Aziz, Muhammad Ezazi Hazwan Bin Edi, and Mohamad Haziq Bin Abd Malik. "Peranan Institusi Masjid Ke Arah Mesra Kanak-Kanak: Masjid Al-Hasanah." *IMAF*, 173-182.
- Jalal, B. (2019). Pengurusan Masjid, Surau Perlu'berasaskan Jemaah', Berita Harian, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/551547/pengurusan-masjid-surau-perlu-berasaskan-jemaah>
- Jamil, T. N. A. T., & Yusoff, Z. (2024). PERANAN IBADAH SOLAT DALAM MEMBENTUK TINGKAH LAKU DAN KEPIMPINAN DIRI YANG EFEKTIF DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 8(2), 102-120.
- Kanyo, N. I., Rahman, A. T. A., Salleh, N., & Jamali, N. A. (2021) TOPOPHOBIA WANITA DI KAWASAN RUANG AWAM BANDAR DALAM ASPEK KESELAMATAN SURAU: SATU TINJAUAN AWAL DI ZON BANDAR SELAMAT SABAH., 177-186.
- Mariam Abd. Majid, (2021), *Pelan Strategik Pengupayaan Peranan Institusi Masjid Sebagai Pusat Tumpuan Komuniti*, JURNAL YADIM International Journal of Islam and Contemporary Affairs/Disember 2021/Vol.1 No.2, Issn: 2811-4310/ E-Issn: 2785-8898 www.e-jurnal.yadim.com.my
- Mohamad Rasdi, M. T. (2007). *Mosque architecture in Malaysia: Classification of styles and possible influence*. Jurnal Alam Bina, 9(3), 1-37.
- Moleong, L. J. (2007). *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Penerbit Pt Remaja Rosdakarya. Offset, Bandung.
- Muhammad Saiful Anuar Yusoff,(2021), *Prasarana Masjid: Penilaian Masyarakat Dan Pengaruhnya Terhadap Solat Secara Berjemaah Di Kelantan*, International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021).
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain & Sharul Fitry Abdul Majid (2019). *Masjid Medium Pendidikan Membina Masyarakat Berakhlak*, Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor 2019, 1–14.
- Raja Nafida Raja Shahminan, Jamilia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, & Ismail Mustari. (2017). Ke Arah Membangunkan Masjid Mesra Remaja, International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017, 4, 65–78.
- Remly M, Kadir M, Othman F, Sabaruddin S (2019), Prinsip Al-Imarah Dalam Kalangan AJK Masjid Kearah Mengimarahkan Institusi Masjid, Jurnal al-Turath (2019) 4(2) 28-36.
- Remly, M. R., Kadir, M. N. A., Othman, F., & Sabaruddin, S. A. (2019). Cabaran Pengurusan Aktiviti Pengimarahkan Institusi Masjid: Kajian Kes di Masjid

- Cemerlang di Malaysia: Challenges in Management of Mosque Institution Activity: A Case Study in Excellence Mosque in Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 9(1), 39-51.
- Samhudi, Khulasat al-Wafa bi-Akhbar dar al-Mustafa, Medina 1392/1972 Proceeding of the 3rd International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016) (e-ISBN 978-967-13087-2-1). 1 December 2016,
- Setiawan, R. A., Ramashar, W., & Sari, D. P. P. (2022). Nilai Budaya Adat Basandi Syarak-Syarak Basandi Kitabullah dalam Mewujudkan Integrasi Akuntabilitas dan Transparansi sebagai Pertanggungjawaban Pengelolaan Keuangan Masjid. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 6(1), 2535-2549.
- Yusoff, M. S. A., Nik Din, N. M., Ahmad Tajuddin, N. H., & Nik Din, N. M. (2021). *Prasarana Masjid: Penilaian Masyarakat Dan Pengaruhnya Terhadap Solat Secara Berjemaah Di Kelantan.*, i-LEdHS2021.